

2.0 KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN GST KEPADA PRODUK AGROMAKANAN SEGAR

Hairazi Rahim @ Abdul Rahim

2.1 PENDAHULUAN

Kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau *Goods and Services Tax* (GST) secara menyeluruh bermula 1 April 2015. Malaysia merupakan negara ASEAN kelapan yang melaksanakan cukai ini selepas Laos menguatkuasakan sistem percukaian yang sama pada 2009. Di rantau ini, Indonesia merupakan negara pertama yang mengguna pakai sistem percukaian GST/*Value Added Tax* (VAT) pada tahun 1984 diikuti Thailand (1992), Singapura (1993), Filipina (1998) dan Kemboja serta Vietnam (1999). Pelaksanaan GST di Malaysia adalah pada kadar 6% bagi menggantikan sistem percukaian terdahulu iaitu Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau *Sales and Services Tax* (SST) pada kadar 5% hingga 10% bagi cukai jualan dan 6% bagi cukai perkhidmatan.

Sistem percukaian GST boleh didefinisikan sebagai cukai kepenggunaan yang berasaskan pertambahan nilai pada setiap produk dan perkhidmatan. Setiap satu daripada produk dan perkhidmatan pada setiap tingkat pengeluaran tertakluk kepada sistem dan dikenakan cukai. Ia berbeza dengan sistem percukaian SST yang mana cukai dikenakan hanya pada produk akhir sebelum beralih tangan kepada pengguna. Sehingga kini, lebih daripada 160 negara di dunia telah melaksanakan sistem percukaian ini yang lebih dikenali sebagai VAT kerana sifatnya yang melalui proses pertambahan nilai pada setiap tingkat pengeluaran sehingga kepada produk akhir. Perbezaan umum antara dua sistem percukaian ini adalah seperti dalam *Jadual 2.1*.

GST dilaksanakan dengan tujuan meningkatkan kecekapan ekonomi Malaysia daripada bergantung hanya kepada hasil sumber semula jadi seperti petroleum dan industri sedia ada yang telah maju seperti elektrik dan elektronik. Kecekapan ekonomi ini secara teorinya dapat direalisasikan dengan pelaksanaan GST melalui pengurangan kos kepada pengeluar produk dan penyedia perkhidmatan kerana cukai yang dibayar pada setiap tingkat pengeluaran dapat dituntut sepenuhnya terutamanya cukai yang dikenakan kepada input atau bahan mentah yang mereka gunakan. Keen dan Lockwood (2010) mendapati negara-negara yang melaksanakan GST atau VAT mempunyai instrumen percukaian yang lebih cekap berbanding yang tidak melaksanakannya.

Sistem cukai ini juga terlihat adil kerana setiap tingkat pengeluaran atau penghasilan sesuatu produk dan penyediaan perkhidmatan seperti di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit dikenakan cukai secara sama rata iaitu 6%. Cukai itu sendiri bukan merupakan suatu kos kepada perantara kerana mereka boleh menuntut kembali GST yang telah dikenakan ke atas input perniagaan mereka. Tambahan pula, produk tempatan yang dieksport dikenakan GST berkadar sifar manakala produk import diberi layanan sama rata dengan produk-produk tempatan yang dikenakan GST sekali gus membentuk kebergantungan antara ekonomi (Cnossen 1998) dan menggalakkan persaingan penghasilan produk di peringkat domestik untuk dieksport.

Jadual 2.1: Perbezaan umum sistem SST dan GST

SST	GST
Cukai satu peringkat	Cukai pelbagai peringkat
Sebahagian beban kepada perniagaan	Neutral kepada perniagaan
Barangan dan perkhidmatan tertentu	Cukai menyeluruh
Beban kepada penguatkuasaan	Perniagaan menanggung beban pematuhan
Tiada cukai perkhidmatan pada produk yang diimport	Cukai perkhidmatan pada produk yang diimport

Di samping itu, kerajaan mensasarkan peratusan pematuhan pembayaran cukai di kalangan kelompok perniagaan akan meningkat hasil pelaksanaan sistem percukaian GST ini. Ia boleh dikatakan sebagai strategi serampang dua mata kerana peningkatan hasil pungutan cukai kepada tabung negara meningkat dan pengelak-pengelak cukai sebelum ini tidak mampu untuk meloloskan diri lagi. Kesan positif ini disokong dalam kajian di Nigeria (Olatunji 2009) dan New Zealand (Breen, Bergin-Seers, Roberts dan Sims 2002) yang menyatakan bahawa sistem cukai VAT yang tersusun dan menyeluruh membawa kepada penyelesaian masalah pengelakan pembayaran cukai.

Walaupun pelbagai fungsi positif dijangka didapati hasil pelaksanaan GST, sistem cukai ini juga boleh mengakibatkan peningkatan harga barangan dan perkhidmatan. Peningkatan harga bagi produk-produk dan perkhidmatan sangat memberi impak kepada kos perbelanjaan isi rumah dan kemampuan rakyat dalam berbelanja. Impak terus yang boleh dilihat adalah melalui kayu ukur kadar inflasi bagi tahun pertama pelaksanaan GST. Kadar inflasi Malaysia pada tahun 2014 ialah 3.4% dan dijangka sehingga mencecah antara 4% hingga 5% pada akhir tahun 2015. Peningkatan kadar inflasi ini adalah hasil peningkatan harga produk dan perkhidmatan serta boleh dikategorikan sebagai inflasi tekanan kos (*cost push inflation*). *Jadual 2.2* menunjukkan kadar awal GST dan inflasi selama 5 tahun bagi negara-negara yang telah melaksanakan sistem percukaian GST atau VAT.

Jangkaan peningkatan kadar inflasi di Malaysia hasil pelaksanaan GST sebahagiannya disandarkan kepada keadaan yang dialami negara-negara yang telah melaksanakan GST atau VAT. Kadar inflasi di negara-negara berpendapatan sederhana mengalami peningkatan berbanding sebelum pelaksanaan GST pada tahun pertama pelaksanaan. Hungary misalnya mengalami peningkatan kadar inflasi sebanyak 2.13% bagi setiap kenaikan 3% kadar GST atau VAT yang dikenakan (Gabriel dan Reiff 2010). Majoriti negara yang melaksanakan sistem cukai ini akan mengalami peningkatan harga produk/barangan dan kadar inflasi namun secara beransur-ansur mengalami penurunan dari tahun ke tahun.

Negara-negara berpendapatan tinggi nampaknya tidak mengalami masalah yang menekan selepas melaksanakan GST. Singapura, Jepun dan Australia menunjukkan penurunan dan kemalaran kadar inflasi mungkin disebabkan tindakan susulan yang telah diambil bagi menangani kenaikan harga barang yang berlaku seperti memperkasakan penguatkuasaan dan program insentif kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, kerajaan Malaysia perlu berhati-hati kerana satu-satunya negara yang melaksanakan GST

Jadual 2.2: Kadar awal GST dan inflasi selama 5 tahun negara-negara terpilih

Negara	Kadar GST (%)	Kadar inflasi				
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5
<i>Pendapatan rendah</i>						
Bangladesh	15.00	6.38	3.63	3.01	5.31	10.3
Nepal	13.00	4.01	11.24	7.45	2.48	2.69
Cameroon	19.25	1.88	1.23	4.42	2.83	0.62
India	12.50	4.25	5.79	6.39	8.32	10.83
Nigeria	5.00	57.17	57.03	72.84	29.27	8.53
<i>Pendapatan sederhana</i>						
Filipina	10.00	9.27	5.95	3.95	5.35	2.72
Thailand	7.00	4.14	3.31	5.04	5.82	5.81
China	17.00	24.17	17.07	8.33	2.81	-0.77
Indonesia	10.00	10.49	4.74	5.82	9.29	8.07
Hungary	27.00	15.75	9.99	9.80	9.15	5.27
<i>Pendapatan tinggi</i>						
Singapura	3.00	2.29	3.10	1.72	1.38	2.00
Jepun	5.00	2.27	3.04	3.30	1.71	1.27
Australia	10.00	2.34	2.65	1.81	1.36	2.06

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (2015)

seperti di Malaysia iaitu India (mempunyai pembekalan dikecualikan dan pembekalan berkadar sifar) mempunyai aliran yang berbeza. Kadar inflasi India meningkat dari setahun ke setahun dan sehingga pada tahun kelima mencecah hingga melebihi 10%.

Tidak dapat dinafikan juga bahawa pelaksanaan GST menyebabkan peningkatan aktiviti ekonomi gelap (*underground*) seperti yang dilaporkan oleh Spiro (1993) yang melakukan kajian ini di Kanada. Terdapat juga bukti empirikal yang menyatakan kecekapan ekonomi seperti yang dibincangkan di atas tidak dapat dicapai dengan pelaksanaan GST atau VAT. Nam, Parsche dan Schaden (2001) melaporkan masalah pengelakan cukai dan penipuan paling serius berlaku di Itali, Greece dan Sepanyol selepas pelaksanaan VAT di negara-negara tersebut. Beban cukai juga telah meningkat sebanyak 50% di negara-negara Eropah dan 34% lebih cepat di kalangan negara-negara yang melaksanakan VAT (Mitchell 2005).

Ketidaktentuan impak pelaksanaan GST atau VAT seperti yang dilaporkan dalam kajian-kajian sebelum ini merupakan satu permasalahan yang mesti disedari oleh kerajaan dalam menjaga pertumbuhan ekonomi negara dan kebajikan rakyat. Pelaksanaan GST atau VAT juga tidak menjamin perubahan yang signifikan terhadap pembangunan ekonomi dan orang awam (Unegbu dan Irefin 2011). Kajian impak sama ada bagi jangka pendek mahupun panjang adalah sangat penting bagi meminimumkan apa sahaja kesan negatif yang mungkin berlaku.

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengukur impak pelaksanaan GST terhadap industri agromakanan. Kajian ini juga menggariskan beberapa objektif spesifik seperti yang berikut:

1. Untuk mengkaji persepsi awam terhadap pelaksanaan GST
2. Untuk mengenal pasti impak pelaksanaan GST terhadap harga komoditi agromakanan
3. Untuk menentukan implikasi pelaksanaan GST terhadap makanan berasaskan pertanian dan pertumbuhan ekonomi

2.2 LATAR BELAKANG

Pelaksanaan sistem percukaian GST di Malaysia mengkategorikan pembekalan produk dan perkhidmatan kepada tiga komponen utama iaitu:

Pembekalan Berkadar Standard

Semua barangan dan perkhidmatan dikenakan cukai sebanyak 6% pada setiap peringkat di rantai pembekalan melainkan barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan cukai iaitu pembekalan berkadar sifar dan pembekalan yang dikecualikan. Kesemua pihak kecuali pengguna akhir layak menuntut kembali kredit cukai input jika ada dikenakan cukai input oleh mana-mana pihak semasa pembelian input. Pengguna akhir tidak layak menuntut semula kredit cukai input dan perlu menanggung beban cukai output berkadar standard iaitu 6%. Cukai ini dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Dana dari Kumpulan Wang Disatukan akan diagihkan dalam belanjawan tahunan lalu dilaburkan bagi hal-hal pembangunan dan kebajikan penduduk Malaysia.

Bagi barangan yang ingin dibawa keluar daripada negara Malaysia, mana-mana individu termasuk warganegara Malaysia, pemastautin tetap, pemastautin sementara, bukan warganegara, pendatang asing berpermit dan pelancong asing layak untuk menuntut bayaran balik cukai output berkadar standard 6% di kaunter Skim Bayaran Balik Pelancongan (*GST Refund Scheme for Tourist*) dengan mengisi borang tuntutan bayaran balik GST bersama resit barangan yang menunjukkan bayaran GST yang sah telah dibuat di mana-mana lapangan terbang antarabangsa Malaysia dan pintu sempadan negara yang diperakui undang-undang.

Pembekalan Berkadar Sifar

Barangan dan perkhidmatan yang berada bawah kategori ini akan dikenakan cukai sebanyak 0% pada setiap peringkat di rantai pembekalan. Kesemua pihak kecuali pengguna akhir masih layak menuntut kembali kredit cukai input jika ada dikenakan cukai input oleh mana-mana pihak semasa pembelian input. Pengguna akhir tidak perlu menanggung beban cukai GST berkadar standard iaitu 6%. Barangan dan perkhidmatan yang dieksport ke luar negara tidak dikenakan cukai sebanyak 6% sebaliknya dikenakan kadar 0%.

Pembekalan Dikecualikan

Barangan dan perkhidmatan yang berada bawah kategori ini tidak dikenakan cukai dan tidak tertakluk kepada GST pada peringkat output. Beban cukai GST berkadar standard tidak akan dikenakan kepada pengguna akhir. Walau bagaimanapun, entiti perniagaan yang menjadi pengguna terakhir yang terlibat di dalam rantai pembekalan tidak layak menuntut kembali kredit cukai input sekiranya ada dikenakan cukai input oleh mana-mana pihak ketika pembelian input.

Pernyataan Masalah

Kebanyakan pembekalan produk segar dikategorikan di bawah pembekalan dikecualikan cukai, namun ketidaktentuan kesan GST ke atas kenaikan harga bekalan berasaskan makanan termasuk produk agromakanan segar perlu diberi perhatian. Walaupun terdapat jaminan kerajaan bahawa hampir kesemua keperluan asas dikecualikan daripada GST dan tidak akan mengalami perubahan harga, masyarakat awam masih prejudis dan negatif terhadap pelaksanaannya. Ini bersandarkan daripada maklumat-maklumat lain yang mereka dapati terutama sumber media alternatif di samping informasi daripada kerajaan yang masih tidak dapat memberi kefahaman penuh kepada masyarakat terhadap pelaksanaan GST. Pengalaman dan kesan yang dilalui negara-negara yang melaksanakan GST atau VAT sebelum ini juga dijadikan sandaran dan sumber seterusnya membina persepsi di kalangan masyarakat Malaysia.

Justifikasi Kajian

Kajian ini khusus bertujuan untuk menilai persepsi pihak berkepentingan iaitu orang awam terhadap pelaksanaan regim percukaian terbaru GST yang menggantikan SST. Persepsi awam penting demi memastikan setiap dasar dan pelaksanaan sistem baru oleh kerajaan dinilai positif dan jika tidak, apakah tindakan yang perlu diambil kerajaan bagi memastikan persepsi awam terhadap sesuatu dasar dapat diperbaiki. Anggaran kenaikan atau penurunan harga serta impak pelaksanaan GST terhadap sosioekonomi rakyat dan ekonomi negara juga merupakan antara perkara penting yang dilaksanakan menerusi kajian ini. Impak sama ada positif mahupun negatif merupakan aspek penting penilaian dalam kajian ini bagi memastikan tindakan yang tepat dan efisien dapat diambil oleh kerajaan bagi memastikan perjalanan ekonomi negara berada pada landasan yang betul di samping kemaslahatan masyarakat juga tidak diabaikan.

2.3 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan bagi menjawab objektif kajian. Objektif pertama dipenuhi dengan melaksanakan soal selidik terbuka di kalangan rakyat Malaysia. Soal selidik telah dilaksanakan dengan mengambil kira kesemua empat zon (utara, selatan, barat dan timur) di Semenanjung Malaysia tidak terkecuali Sabah dan Sarawak. Sebanyak 360 reponden telah memberi komitmen dalam memberi respons menerusi soal selidik yang dilakukan. Namun begitu, hanya 347 borang soal selidik yang boleh digunakan setelah melalui proses pembersihan data. Borang soal selidik telah distruktur berdasarkan maklumat-maklumat sekunder dan input kajian yang telah dilakukan sama ada di luar dan dalam negara.

Pensampelan mudah (*convenience sampling*) telah digunakan untuk prosedur pengumpulan data dengan menggunakan enam pembanci terlatih. Sampel saiz ini dipilih berdasarkan rujukan pensampelan saiz oleh Sudman (1976) dan teknik analisis yang akan digunakan (Hair, Black, Babin, Anderson, dan Tatham 2006). Kandungan dan item soal selidik juga telah dibincangkan dengan terperinci dan kebolehpercayaan data yang dikumpul juga dinilai oleh pekali *Cronbach Alpha*, menunjukkan kesahan yang tinggi.

Analisis Faktor dilakukan untuk pengekstrakan faktor komponen (Hair et al. 2006) yang mempengaruhi persepsi masyarakat manakala kaedah analisis input output (Input-Output Analysis) juga telah dilakukan dengan bantuan seorang penyelidik pakar daripada Institut Kajian Dasar dan Pemakanan Malaysia (IKDPM) di bawah Universiti Putra Malaysia.

2.4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian daripada analisis adalah berdasarkan objektif yang telah dikemukakan. *Jadual 2.3* menunjukkan profil responden yang menyertai kajian ini.

2.4.1 Persepsi Awam terhadap Pelaksanaan GST di Malaysia

Secara umumnya, hampir kesemua responden (97.2%) sedar tentang pelaksanaan sistem percukaian GST yang dilaksanakan pada April 2015. Walau bagaimanapun, 63.8% daripada keseluruhan responden tidak bersetuju dengan pelaksanaan sistem percukaian baru itu. Dapatan ini tidak banyak berbeza dengan dapatan yang didapati daripada undian internet

Jadual 2.3: Profil responden


Profil (n=347)	Peratus
Umur	
• < 25	33.6
• 26 – 35	29.1
• 36 – 45	19.2
• 46 – 55	9
• > 55	9
Jantina	
• Lelaki	42.4
• Perempuan	57.6
Tahap pendidikan	
• Sekolah rendah	5.9
• Sekolah menengah	44.1
• Diploma kolej	28.1
• Ijazah universiti	21.9
Status pekerjaan	
• Suri rumah	9.8
• Sektor swasta	44.7
• Sektor awam	16.3
• Pelajar	16.0
• Berniaga sendiri	13.2
Pendapatan sendiri	
• < RM1000	47.8
• RM1001 – RM2000	23.3
• RM2001 – RM3000	12.7
• RM3001 – RM4000	8.8
• RM4001 – RM5000	5.5
• > RM5000	4.3

Sumber: Data kajian, 2015

(e-poll) yang dilakukan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang mendapati 76% daripada rakyat Malaysia tidak bersetuju dengan GST. Di samping itu 68.8% daripada responden juga tidak bersetuju bahawa barangan dalam senarai dikecualikan tidak mengalami peningkatan harga dan 64.9% juga berpendapat yang sama tentang harga sayuran dan buah-buahan tidak meningkat. Hampir 64% daripada responden menyatakan telah mengalami peningkatan harga bagi sayur-sayuran dan buah-buahan walaupun sebelum pelaksanaan GST.

Kajian ini juga mendapat respons yang pelbagai daripada bahagian pernyataan pendapat secara bebas yang ada di dalam borang soal selidik. Sebanyak 319 atau hampir 92% daripada responden menyatakan pendapat bebas mereka di ruangan yang disediakan. *Jadual 2.4* menunjukkan kenyataan-kenyataan yang kerap diulang oleh responden.

Analisis faktor telah dilakukan bagi mendapatkan komponen-komponen faktor yang membantu membentuk persepsi awam terhadap pelaksanaan GST. Melalui Analisis Faktor Eksploratori (EFA) yang dilakukan, terdapat lima faktor atau komponen yang mempunyai hubungan kait dengan pembinaan persepsi negatif masyarakat terhadap pelaksanaan GST dengan nilai Eigen melebihi 1.0 dan jumlah varians yang dijelaskan melebihi 60% seperti yang dapat dilihat dalam *Jadual 2.5*.



Rajah 2.1: Persepsi rakyat Malaysia terhadap pelaksanaan GST

Jadual 2.4: Kenyataan positif dan negatif oleh responden terpilih


Kenyataan	
Positif	Negatif
<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengawal peniaga daripada mengambil kesempatan daripada pembeli • Boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi • Boleh meningkatkan pendapatan kerajaan • Sistem cukai yang adil tetapi harus bermula pada kadar yang lebih rendah (3%) 	<ul style="list-style-type: none"> • Beban kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana • Bukan sistem cukai yang mesra rakyat • Boleh diterima tetapi hapuskan rasuah dahulu • Pelaksanaan tidak kena masa kerana pendapatan per kapita masih rendah • Membunuh perniagaan kecil yang kebanyakannya bumiputra • Maklumat yang tidak telus kepada rakyat • Penguatkuasaan lemah menyebabkan kenaikan harga • Tidak selaras dengan ajaran Islam

Sumber: Data primer 2015

Jadual 2.5: Kaiser-Mayer-Olkin (KMO) dan Bartlett's Test of Sphericity

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy	Bartlett's Test of Sphericity and Significance
.878	3157.80
	253
	$p = .000$

Nota: *Bartlett's Test of Sphericity & Significance* $p < 0.000$ dan *Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy* > 0.60 . Nilai Eigen > 1 dan jumlah varians $> 60\%$



Rajah 2.2: Komponen faktor yang membina persepsi terhadap pelaksanaan GST

Kepercayaan sendiri merujuk kepada idea sedia ada pada responden. Kepercayaan mereka dibentuk melalui maklumat-maklumat alternatif yang didapati selain maklumat yang disalurkan oleh kerajaan melalui media-media utama di televisyen dan surat khabar. Komponen ini berkait rapat dengan komponen **sistem percukaian** yang umumnya mengetahui sistem GST yang mengenakan cukai berperingkat pada setiap tingkat pengeluaran. Tanggapan awal responden adalah cukai pada setiap tingkat pengeluaran produk mahupun perkhidmatan berkemungkinan besar menyumbang kepada peningkatan harga barangan dan perkhidmatan sama ada secara langsung dan tidak langsung.

Kekurangan maklumat juga membentuk persepsi negatif responden terhadap pelaksanaan sistem percukaian GST. Maklumat yang tidak lengkap dan bercanggah terutama daripada kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh kerajaan dengan realiti yang berlaku mempunyai hubung kait yang sangat relevan dengan persepsi negatif yang terbentuk di kalangan masyarakat. Di samping itu, **peningkatan harga barangan** selepas pelaksanaan GST membenarkan tanggapan awal responden tentang impak kenaikan harga yang dijangka oleh mereka sekali gus menambah persepsi negatif terhadap GST. Responden adalah skeptikal terhadap **pulangan bermanfaat** yang akan mereka dapati daripada hasil kutipan yang dijangka meningkat dengan pelaksanaan GST. Ketidakpercayaan responden terhadap janji kerajaan mungkin berkait dengan beberapa isu dan ketidaktepatan janji serta pulangan manfaat yang tidak dapat dilihat secara fizikal oleh mereka.

2.4.2 Impak Pelaksanaan GST terhadap Harga Komoditi Agromakanan

Analisis input-output telah dijalankan bagi menganggar kenaikan atau penurunan harga bagi komoditi-komoditi agromakanan dan yang berkait dengannya. Aplikasi analisis ini dijalankan dengan anggapan kesemua perniagaan yang ada di Malaysia berdaftar secara sah di bawah sistem percukaian GST. *Jadual 2.6* menunjukkan sektor dan komoditi agromakanan yang sepatutnya mengalami kenaikan harga berdasarkan harga baseline RM1.00 selepas pelaksanaan sistem GST.

Jadual 2.6: Senarai sektor yang mengalami kenaikan harga

Sektor	Baseline (RM)	Pasca-GST (RM)	Perubahan (%)
Padi	1.00	1.05	4.67
Buah-buahan	1.00	1.04	4.18
Bunga	1.00	1.04	4.09
Tanaman makanan	1.00	1.04	3.95
Sayuran	1.00	1.03	3.37
Pembuatan bijirin	1.00	1.03	2.60
Pertanian lain	1.00	1.01	1.49
Purata wajaran			1.02

Nota: Baseline RM1.00 digunakan bagi memudahkan perubahan perbezaan peratusan dapat ditunjukkan bagi setiap sektor yang menggunakan harga yang pelbagai

Sektor padi mengalami perubahan kenaikan harga paling tinggi berbanding yang lain dengan catatan peratus perubahan sebanyak 4.67%. Sektor buah-buahan, bunga dan tanaman makanan turut mengalami peningkatan antara 3.95% sehingga 4.18% diikuti sayuran dengan kenaikan 3.37% dan pembuatan bijirin 2.6% pada era pasca GST. Pertanian lain juga mengalami kenaikan harga namun hanya pada kadar 1.49%. Senarai sektor yang mengalami penurunan harga juga dapat dilihat melalui *Jadual 2.7*.

Pengawetan makanan laut mengungguli jadual dengan penurunan harga sebanyak 39.88% berbanding dengan harga sebelum pelaksanaan GST. Ini diikuti dengan minyak dan lemak, pengeluaran tenusu, restoran, pengawetan buah dan sayuran, manisan, keluaran kilang roti dan minuman ringan yang mencatatkan penurunan harga antara 11% sehingga 33%. Sektor makanan haiwan, perikanan, prosesan makanan lain, pengangkutan air, wain dan minuman keras, baja, pengeluaran daging, daging, keluaran tembakau, perdagangan borong dan runcit serta kenderaan bermotor, prosesan getah, keluaran getah, kelapa sawit, perhutanan dan pembalakan juga mengalami penurunan harga antara 2% hingga 10%. Penternakan ayam itik, farmaseutikal, kimia perubatan dan produk botani dan ternakan lain pula mengalami peratusan penurunan yang paling sedikit iaitu kurang daripada 1%.

2.4.3 Implikasi Pelaksanaan GST terhadap Pertumbuhan Ekonomi

Pertumbuhan ekonomi negara adalah bersandarkan kepada kegiatan ekonomi beberapa industri terkemuka dan hasil sumber semula jadi yang ada di Malaysia. Hubung kait antara industri-industri sentiasa ada saling memberi impak terhadap satu sama lain sama ada kecil mahupun besar. Berdasarkan *Rajah 2.3*, sektor agromakanan sendiri sangat bergantung kepada industri lain seperti industri pembuatan (RM4.93 bilion) dan buruh (RM3.60 bilion). Namun pada masa yang sama, input daripada sektor agromakanan sangat diperlukan dalam sektor penggunaan swasta sehingga hampir bernilai RM20 bilion.


Perubahan struktur ini mungkin akan mengalami perubahan selepas pasca GST yang mana penekanan cukai input yang dilaksana bawah sistem percukaian GST akan mengubah nilai-nilai input yang digunakan pada masa sekarang.

Di samping itu, perubahan peratus perbelanjaan juga dijangka berlaku pada tahap isi rumah. Dapatan kajian menunjukkan pengurangan peratus perbelanjaan akan berlaku kepada isi rumah seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 2.8* dan *Jadual 2.9*. Kesemua kategori pendapatan mengalami peratus penurunan perbelanjaan selepas pelaksanaan GST iaitu antara 1% hingga 10% manakala kedua-dua strata penduduk bagi luar bandar dan bandar

Jadual 2.7: Senarai sektor yang mengalami penurunan harga

Sektor	Baseline (RM)	Pasca-GST (RM)	Perubahan (%)
Pengawetan makanan laut	1.00	0.66	39.88
Minyak dan lemak	1.00	0.67	32.82
Pengeluaran tenusu	1.00	0.74	25.79
Restoran	1.00	0.75	24.75
Pengawetan buah dan sayuran	1.00	0.87	13.33
Manisan	1.00	0.87	12.71
Keluaran kilang roti	1.00	0.89	11.33
Minuman ringan	1.00	0.89	11.24
Makanan haiwan	1.00	0.9	9.64
Perikanan	1.00	0.92	7.93
Prosesan makanan lain	1.00	0.92	7.80
Pengangkutan air	1.00	0.93	7.47
Arak dan minuman keras	1.00	0.94	5.72
Baja	1.00	0.94	5.66
Daging dan pengeluaran daging	1.00	0.94	5.56
Keluaran tembakau	1.00	0.96	3.67
Perdagangan borong dan runcit dan kenderaan bermotor	1.00	0.97	3.33
Prosesan getah	1.00	0.97	2.86
Keluaran getah	1.00	0.97	2.84
Kelapa sawit	1.00	0.98	2.20
Perhutanan dan pembalakan	1.00	0.98	2.11
Penternakan ayam itik	1.00	0.99	0.66
Farmaseutikal, kimia perubatan dan produk botani	1.00	0.99	0.52
Ternakan lain	1.00	1.00	0.50
Purata wajaran			0.93

Nota: Baseline RM1.00 digunakan bagi memudahkan perubahan perbezaan peratusan dapat ditunjukkan bagi setiap sektor yang menggunakan harga yang pelbagai



Rajah 2.3: Jaringan industri agromakanan dengan industri-industri lain di Malaysia

Jadual 2.8: Peratus penggunaan isi rumah bagi makanan dan minuman bukan alkohol sebelum dan selepas pelaksanaan GST berdasarkan pendapatan, strata dan etnik

Profil	Kategori penggunaan															
	< RM1000		RM1000 – RM1999		RM2000 – RM2999		RM3000 – RM3999		RM4000 – RM4999		>RM5000					
Pendapatan	E	ΔE	E	ΔE	E	ΔE	E	ΔE	E	ΔE	E	ΔE				
	33.84	-1.59	27.57	-7.5	22.8	-7.14	19.61	-5.25	18.08	-3.91	13.52	-10.91				
Strata	Luar bandar						Bandar									
	E		ΔE		E		ΔE		E		ΔE					
	18.13		-1.05		27.45		-1.36									
Etnik	Bumiputera				Cina				India				Lain-lain			
	E		ΔE		E		ΔE		E		ΔE		E		ΔE	
	22.02		-1.2		16.84		-0.97		19.25		-1.24		25.03		-1.14	

Nota: E = Peratusan perbelanjaan isi rumah sebelum GST, ΔE = peratus perubahan dalam perbelanjaan isi rumah selepas pelaksanaan GST

Jadual 2.9: Peratus penggunaan isi rumah bagi makanan dan minuman bukan alkohol sebelum dan selepas pelaksanaan GST berdasarkan negeri

Profil	Kategori penggunaan							
	Johor		Kedah		Kelantan		Melaka	
Negeri	E	ΔE	E	ΔE	E	ΔE	E	ΔE
	21.37	-1.26	24.27	-1.10	27.74	-1.10	18.79	-1.10
Negeri	N.Sembilan		Pahang		P.Pinang		Perak	
	E		ΔE		E		ΔE	
	23.13		-1.29		21.32		-1.06	
Negeri	Perlis		Selangor		Terengganu		Sabah	
	E		ΔE		E		ΔE	
	24.55		-1.24		16.42		-1.07	
Negeri	Sarawak		W.P KL		W.P Labuan		Putrajaya	
	E		ΔE		E		ΔE	
	26.33		-1.4		13.47		-0.82	

Nota: E = Peratusan perbelanjaan isi rumah sebelum GST, ΔE = peratus perubahan dalam perbelanjaan isi rumah selepas pelaksanaan GST

juga mengalami penurunan peratus perbelanjaan antara 1% hingga 2%. Namun perlu diingat bahawa dapatan ini adalah dengan andaian semua entiti perniagaan yang ada di Malaysia telah berdaftar di bawah pelaksanaan GST dan mekanisme percukaian berjalan dengan lancar. Peratus penurunan perbelanjaan juga dirasai bagi semua etnik Melayu, Cina, India dan lain-lain dengan pelaksanaan GST iaitu pada kadar sekitar 1% dan 2%.

Peratus penurunan perbelanjaan isi rumah juga diukur berdasarkan negeri-negeri di Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Kesemua isi rumah di negeri-negeri akan mengalami peratus penurunan sekurang-kurangnya 1% atau lebih daripada jumlah perbelanjaan sebelum GST dilaksanakan. Walau bagaimanapun, isi rumah di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Putrajaya akan mengalami peratus penurunan yang kurang daripada 1% iaitu 0.82%, 0.89% dan 0.62%.

2.5 SARANAN

Pelan tindakan yang boleh diambil adalah berasaskan kepada beberapa langkah utama iaitu:

- **Penguatkuasaan**
Pelaksanaan GST akan menghasilkan banyak impak positif kepada kerajaan jika penguatkuasaan pelaksanaan GST dipertingkatkan. Jika kesemua entiti perniagaan yang terlibat mematuhi sistem percukaian baru GST, secara teorinya, peningkatan harga barangan dan perkhidmatan adalah pada kadar minimum dan penurunan harga akan dirasai oleh rakyat. Penguatkuasaan kepada pematuhan sistem baru mestilah dilaksanakan dengan tegas dan efektif sekiranya kesan positif yang diandaikan hasil pelaksanaan GST mahu dinikmati segenap lapisan masyarakat.
- **Informasi menyeluruh**
Penyampaian maklumat dan informasi yang menyeluruh perlu dilaksanakan bagi memastikan rakyat benar-benar faham konsep percukaian GST. Informasi yang betul dan telus sangat penting bagi melancarkan lagi sistem percukaian GST terutamanya kepada entiti perniagaan. Capaian maklumat atau informasi yang boleh difahami menyumbang kepada pembentukan persepsi yang positif di kalangan rakyat dan pematuhan entiti perniagaan terhadap pelaksanaan sistem percukaian baru GST. Ini pada akhirnya akan membentuk model percukaian yang diharapkan oleh pembuat dasar seterusnya memenuhi kriteria sistem yang memerlukan *perfect compliance* bagi menikmati manfaat daripada pelaksanaan GST.
- **Mekanisme pindahan manfaat atau insentif ekonomi**
Penggunaan pendekatan ekonomi yang betul seperti insentif ekonomi (BRIM dll) dan mekanisme pindahan yang lain perlu digunakan bagi mengatasi impak kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Salah satu kesilapan yang biasa dilakukan adalah dengan menaikkan kadar upah minimum kepada yang lebih tinggi berdasarkan andaian penyelesaian langsung dan mudah untuk menangani kenaikan harga barangan dan perkhidmatan di pasaran. Dasar ini memberi penyelesaian jangka pendek kepada kemampuan berbelanja di kalangan rakyat namun memberi impak negatif kepada kadar inflasi dalam jangka panjang. Pematuhan kadar upah minimum oleh entiti perniagaan mengundang kepada kecenderungan firma untuk meningkatkan harga produk dan barangan masing-masing bagi menampung kenaikan kos buruh (Wadsworth 2010). Dianggarkan peningkatan produktiviti hanya meningkat sebanyak 7% berbanding dengan kenaikan kos buruh yang boleh mencecah 11 – 15% (MEF 2015) atau 16.5% (Saari, Hassan dan Said 2013) jika kerajaan menaikkan kadar upah minimum.
- **Memahami struktur pasaran**
Struktur pasaran Malaysia yang dikuasai beberapa firma besar berkemungkinan mempengaruhi harga produk dan perkhidmatan akhir di pasaran. Entiti perniagaan yang bersifat monopoli mampu memberi kesan positif mahupun negatif terhadap turun naik harga barangan. Impak langsung struktur seperti ini memerlukan kajian empirikal yang lebih mendalam bagi memastikan pasaran Malaysia yang pelbagai dapat difahami dengan baik seterusnya membantu kerajaan merangka dasar yang memberi manfaat sama ada kepada firma dan juga masyarakat marhaen.
- **Kajian impak yang berterusan**
Kajian impak yang berterusan mestilah dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelan tindakan pasca GST mengambil kira pelbagai aspek dan dimensi yang berkaitan. Kajian impak terhadap industri kecil dan sederhana adalah antara aspek yang perlu dititikberatkan di samping kajian-kajian sosioekonomi yang menekankan aspek kebajikan rakyat. Daya saing industri kecil dan sederhana yang kebanyakannya diusahakan bumiputera selepas pelaksanaan GST dijangka

mendapat impak yang besar berdasarkan saiz industri ini yang mencecah 90% daripada keseluruhan jumlah entiti perniagaan di Malaysia. Analisis dan kajian jangka panjang juga perlu dilakukan pada masa hadapan bagi mengukur keberkesanan dan manfaat yang diperolehi daripada pelaksanaan GST seperti yang diandaikan dalam kajian-kajian jangka pendek dan rujukan literatur sedia ada.

2.6 RUMUSAN

Anggaran impak secara teorinya memberi banyak kesan positif sama ada dari sudut penurunan harga dan kesan tidak langsung kepada industri-industri berkaitan. Produk agromakanan segar majoritinya mengalami penurunan harga sekali gus memberi lebih pendapatan kepada rakyat walaupun beberapa komoditi mengalami kenaikan harga. Namun begitu, berdasarkan dapatan empirikal kajian ini, kenaikan harga pada komoditi tertentu dapat ditampung dengan lebih simpanan yang dapat dinikmati masyarakat pada peringkat isi rumah dengan penurunan harga komoditi-komoditi yang lain akibat pelaksanaan GST. Keadaan positif ini walau bagaimanapun hanya dapat berlaku dengan syarat keadaan pasaran yang kompetitif, penguatkuasaan yang berkesan dan informasi menyeluruh dapat dilaksanakan. Mekanisme pindahan manfaat seperti pemberian BRIM pula mesti diperkasakan dan memerlukan penstrukturan semula supaya golongan sasaran dapat menikmati insentif ekonomi seterusnya membantu kerajaan mengimbangi kesan peningkatan kadar inflasi daripada tidak terkawal. Realitinya, tidak dinafikan beberapa faktor lain mungkin mempengaruhi keadaan peningkatan harga yang boleh dikatakan meliputi semua sektor barangan yang ada sekarang biarpun di bawah kategori pembekalan berkadar sifar mahupun pembekalan dikecualikan. Rasionalisasi subsidi dan kejatuhan ringgit mungkin mempengaruhi kenaikan harga barangan di pasaran. Kendatipun begitu, kajian empirikal yang lebih teliti perlu dilaksanakan bagi mengetahui permasalahan yang wujud secara lebih mendalam.

2.7 RUJUKAN

- Breen, J., Bergin-Seers, S., Roberts, I. dan Sims, R. (2002). The impact of the introduction of the GST on small business in Australia. *Asian Review of Accounting* 10(1): 89 – 104
- Cnossen, S. (1998). Global trends and issues in value added taxation. *International Tax and Public Finance* 5(3): 399 – 428
- Custom, R.M. (2015). Senarai bekalan berkadar sifar, dikecualikan dan pelepasan GST. Dalam: R.M. Custom (Ed.). Putrajaya
- Gabriel, P. dan Reiff, A. (2010). Price Setting in Hungary: A Store Level Analysis. *Managerial and Decision Economics* 31(2a 3): 161 – 176
- Hair, J., Black, W., Babin, B., Anderson, R. dan Tatham, R. (2006). *Multivariate data analysis: a global perspective* (7th ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Prentice Hall
- Keen, M. dan Lockwood, B. (2010). The value added tax: Its causes and consequences. *Journal of Development Economics* 92(2): 138 – 151
- Mitchell, D.J. (2005). Beware the value-added tax. *Backgrounder* 2005
- Nam, C.W., Parsche, R.D. dan Schaden, B. (2001). Measurement of value added tax evasion in selected EU countries on the basis of national accounts data
- Olatunji, O.C. (2009). A review of value added tax (VAT) administration in Nigeria. *International Business Management* 3(4): 61 – 68
- Spiro, P.S. (1993). Evidence of a post-GST increase in the underground economy. *Canadian Tax Journal* 41
- Sudman, S. (1976). *Applied sampling*: Academic Press New York
- Unegbu, A.O. dan Irefin, D. (2011). Impact of VAT on economic development of emerging nations. *Journal of Economics and International Finance* 3(8), 492 – 503